

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 JULAI 2022
AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 8

Projek MRT3, ECRL, Pan Borneo diteruskan

Projek MRT3, ECRL, Pan Borneo diteruskan

KUALA LUMPUR - Kerajaan memberi jaminan projek mega seperti Projek Laluan Lingkaran Transit Aliran Massa 3 (MRT3), pembinaan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan Projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) akan diteruskan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi), Datuk Seri Mustapa Mohamed berkata, hanya 30 projek tidak akan diteruskan melibatkan kos kira-kira RM100 juta.

"Projek seperti MRT3 dan ECRL, projek-projek ini akan diteruskan."

"Yang ditangguhkan saya hendak ulang kerana ini penting. Ia projek-projek baharu dan sedia ada yang belum dimulakan proses iklan. Jadi, skopnya cukup jelas," katanya sewaktu pertanyaan-pertanyaan menteri di Dewan Rakyat pada Khamis.

Beliau menjawab soalan tambahan Fahmi Fadzil (**PH-Lembah Pantai**) bertanyakan jumlah projek yang ditangguhkan dan adakah projek mega akan terkesan dengan dasar menangguh serta membatalkan projek baharu oleh kerajaan.

Jelas Mustapa, penangguhan projek itu hasil daripada sesi libat urus Kementerian Kewangan (MOF), Kementerian Kerja Raya (KKR), Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (EPU), Unit Penyelaras Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU) dan Jabatan Kerja Raya (JKR).

Katanya, projek yang telah dikenal pasti ditangguhkan pada tahun ini melibatkan pembinaan pusat pemprosesan getah bersepada di bawah Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi serta perolehan peralatan bagi memodenkan bengkel dalam bidang elektrikal di bawah Kementerian Sumber Manusia (KSM).

Selain itu, katanya, projek lain ialah projek kerjasama pusat latihan teknologi tinggi dengan institusi pendidikan dan latihan di luar negara di bawah KSM serta projek penyelidikan strategik di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).